

# **BAB SATU**

## **BAB PERTAMA**

### **PENDAHULUAN KAJIAN**

Angkatan tentera sebagai organisasi terpenting dalam sesebuah negara merupakan aset kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa. Tanpa kekuatan ketenteraan yang benar-benar mantap, kemakmuran sesebuah negara tidak mungkin akan tercapai dengan sepenuhnya. Justeru itu sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia tidak ketinggalan dalam memajukan kualiti dan kuantiti angkatan tenteranya. Penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera atau ringkasnya KAGAT pada 16 April 1985<sup>1</sup> merupakan sebahagian daripada usaha-usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan akhlak, kualiti dan daya tempur Angkatan Tentera Malaysia.

Penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera atau ringkasnya KAGAT telah menerima berbagai pandangan dan saranan dari pihak atasan pada ketika itu. Ada yang menerimanya secara positif dan ada pula yang memandangnya secara negatif terhadap usaha penubuhan tersebut.<sup>2</sup> Akhirnya KAGAT berjaya juga ditubuhkan dan menerima tugas paling utama iaitu membantu pihak kerajaan merealisasikan usaha penerapan nilai-nilai Islam di dalam organisasi ketenteraan di samping berusaha untuk melahirkan warga tentera yang beriman, berakh�ak, berdisiplin, dan bertakwa kepada Allah (s.w.t.) berasaskan kepada penerapan nilai-nilai Islam yang sesuai dengan masa dan keadaan.<sup>3</sup> Kerana itulah kalau kita melihat motto yang tertera dalam logo KAGAT sendiri iaitu “*Berjuang dan Berakh�ak*” melambangkan tugas sebenar KAGAT dalam ATM iaitu membangunkan akhlak

warga tentera agar ianya sejajar dengan kehendak Islam. Tugas tersebut mula dilaksanakan oleh KAGAT bermula daripada hari penubuhannya sehingga ke hari ini.

Sehubungan dengan itu bagi melihat keberkesanan KAGAT di dalam organisasi angkatan tentera di Malaysia, penulis akan cuba menganalisis tahap kejayaan dan pencapaian KAGAT dalam merealisasikan tanggungjawab dan peranan yang telah diamanahkan kepadanya. Adakah penubuhannya itu telah mencapai kejayaan sampai kepada tahap yang boleh dibanggakan ataupun penubuhannya boleh dianggap langsung tidak memberikan apa-apa kesan yang positif khususnya terhadap akhlak perajurit di Malaysia.

## **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Nilai peribadi dan berakhlik mulia merupakan aset paling berharga yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Malah kalau kita melihat kepada matlamat perutusan baginda Rasulullah (s.a.w.) kepada manusia sejagat adalah untuk memperbetulkan akhlak manusia yang sudah begitu rosak pada ketika itu. Manusia tenggelam dalam kehidupan jahiliah yang menguasai penduduk Arab yang jelas menyimpang daripada ajaran Islam sebenar. Segala apa yang ditegah oleh agama menjadi kebanggaan dalam kehidupan masyarakat. Arak menjadi minuman rutin harian, perempuan menjadi tempat melepaskan nafsu serakah, pengamalan riba menjadi aktiviti utama ekonomi dalam masyarakat, membunuh anak perempuan menjadi kemestian bagi mengelakkan bebanan kehidupan dan berbagai-bagi lagi kemungkar agama begitu berleluasa di dalam masyarakat.<sup>4</sup>

Kesemuanya ini boleh berlaku hanyalah disebabkan oleh kedegilan dan kedangkalan manusia untuk berakhhlak dengan akhlak yang dikehendaki oleh Islam. Kalau kita melihat kepada apa yang berlaku dalam senario kehidupan masyarakat jahiliah suatu ketika dahulu dengan fenomena keruntuhan akhlak yang amat ketara pada hari ini maka kita perlu merenung dan mengkaji semula adakah gejala - gejala negatif yang menguasai peradaban dunia suatu ketika dahulu tidak lagi menjadi amalan dalam kehidupan zaman yang serba moden ini ? Namun hakikat yang terpaksa kita terima bersama ialah keadaan dan suasana demikian sebenarnya masih lagi berlaku dalam kehidupan masyarakat moden pada hari ini. Kehidupan dalam kem-kem tentera suatu ketika dahulu juga tidak terlepas daripada fenomena yang sedemikian. Sebagai contohnya bagi pegawai-pegawai muda yang baru melapor di pasukan telah dikenakan rating yang begitu ketara sekali penyimpangannya dari sudut akhlak Islam<sup>5</sup>. Mereka dikehendaki membawa perempuan bukan *mahram* ke mes pegawai, dipaksa dan diajar meminum minuman keras, didera dan dihukum jika gagal melaksanakan arahan senior walaupun kadang-kadang arahan tersebut langsung tidak bersetujuan dengan kehendak agama dan naluri manusia.<sup>6</sup> Berbagai-bagai lagi asuhan dan ajaran yang dikenakan terhadap pegawai-pegawai baru yang langsung tidak bersetujuan dengan ajaran Islam. Kesemuanya ini sebenarnya adalah kesan daripada peninggalan penjajah yang pada suatu ketika dahulu merupakan nadi kepada Angkatan Tentera Malaysia dan menjadi lambang kepada rosaknya akhlak warga tentera suatu ketika dahulu.

Itulah sebahagian daripada paparan-paparan yang berlaku dalam kem-kem tentera suatu ketika dahulu yang memerlukan kepada perubahan agar kehidupan warga tentera dapat diolah dan dicernakan mengikut acuan sebenar sebagaimana yang telah diajar oleh Islam. Penubuhan KAGAT dalam Angkatan Tentera Malaysia sedikit sebanyak telah berjaya mengurangkan fenomena keruntuhan akhlak yang telah berlaku dalam ATM. Sebagai contohnya dengan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh KAGAT, arak telah berjaya diharamkan dalam semua kem-kem tentera.<sup>7</sup> Sedangkan sebelum daripada ini arak merupakan perkara biasa dalam kem-kem tentera. Lebih daripada itu lagi warga tentera boleh dikenakan hukuman jika di dapati mabuk ketika berada di dalam kawasan kem.<sup>8</sup>

Penulis akan cuba membicarakan permasalahan akhlak yang sedang berlaku dalam kehidupan masyarakat moden pada hari ini. Tetapi fokus tumpuan penulis hanyalah tertumpu kepada permasalahan akhlak yang berlaku dalam organisasi ketenteraan di Malaysia. Penulis akan cuba melihat beberapa gejala negatif yang menjadi amalan dalam kehidupan sehari-hari warga tentera dan bagaimanakah jalan penyelesaian yang perlu diambil di samping melihat kepada kejayaan dan pencapaian yang telah diperolehi oleh KAGAT dalam merealisasikan kehidupan berakhhlak warga tentera.

Pada asasnya persoalan akhlak yang ingin ditimbulkan oleh penulis dalam kajiannya adalah bertitik tolak daripada seruan pihak kerajaan agar penerapan nilai-nilai Islam dilaksanakan dalam semua perkhidmatan kerajaan. ATM sebagai salah sebuah organisasi kerajaan tidak terlepas daripada tanggungjawab melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Lebih-lebih lagi

dalam organisasi ketenteraan yang terkenal dengan mutu disiplin yang tinggi dan taat kepada arahan pihak atasan. Seruan kerajaan sepatutnya disambut terlebih dahulu oleh warga tentera daripada organisasi yang lain kerana cogankata “*Taat Setia*” sering menjadi siulan biasa warga tentera. Apabila kerajaan melaungkan penerapan nilai-nilai Islam maka ianya mestilah disambut dengan bersungguh-sungguh bukan sekadar janji-janji yang ditaburkan di atas kertas tetapi dari sudut pengamalannya diibaratkan seperti jauh panggang dari api.

Justeru itulah maka penulis akan melihat dengan lebih terperinci setakat manakah kemampuan dan pencapaian KAGAT dalam membentuk akhlak dan peribadi luhur warga tentera dan perlaksanaannya dalam organisasi ketenteraan. Akhlak sempurna yang dimiliki oleh warga tentera akan menggambarkan kejernihan dan ketelusan organisasi ketenteraan di Malaysia. Sebaliknya akhlak yang kotor dan jelek akan menggambarkan kekotoran dan kejelekan yang telah berlaku dalam organisasi ketenteraan di Malaysia. Penulis juga akan melihat sejauh manakah peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT dalam memastikan akhlak warga tentera berada di tahap yang sepatutnya dan kalau ianya tidak berlaku sebagaimana yang diharapkan, di manakah kesilapan yang harus diperbetuli agar laungan kerajaan untuk merealisasikan kehidupan yang berdasarkan kepada keredhaan Allah (s.w.t.) dapat dilaksanakan dengan sempurna dalam kehidupan warga tentera.

## **1.2 MASALAH KAJIAN**

Kecermelangan organisasi merupakan cita-cita bagi setiap pertubuhan. KAGAT ditubuhkan adalah bertujuan memastikan akhlak warga tentera berada di landasannya yang sebenar. Permasalahannya ialah semenjak tertubuhnya KAGAT sehingga ke hari ini, sejauhmanakah KAGAT mampu untuk merealisasikan matlamat penubuhannya. Walaupun setakat penulisan ini dibuat banyak usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak KAGAT dalam melaksanakan tanggungjawabnya namun hasil daripada usaha-usaha tersebut perlu dianalisis bagi mendapatkan jawapan sebenar terhadap pencapaian KAGAT. Apa yang pentingnya di sini ialah kalau kita melihat kepada permasalahan dan realiti yang berlaku dalam Angkatan Tentera Malaysia ia dewasa ini khususnya dalam masalah menangani gejala akhlak, maka ianya memerlukan kepada kajian rapi bagi mencari jalan penyelesaian secara global. Penulis berkata demikian adalah kerana kalau kita lihat permasalahan akhlak yang berlaku dalam organisasi ketenteraan di Malaysia sebahagiannya boleh diselesaikan melalui kesedaran yang wujud dalam setiap individu warga tentera. Ini boleh dilakukan dengan memperbanyak aktiviti kerohanian agar timbul kesedaran beragama dalam diri setiap peribadi. Ada pula permasalahan akhlak yang berlaku tidak boleh diselesaikan melainkan dengan adanya pengawasan pihak atasan dalam menguatkuaskan undang-undang. Jika berlaku demikian maka pihak atasan dalam ATM perlu berperanan dalam mengeluarkan arahan-arahan yang wajib dipatuhi dalam memastikan ianya dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Kadang-kadang kedapatan juga beberapa kes yang seolah-olah pihak atasan pula yang menggalakkan berlakunya gejala sosial dalam kem-kem tentera

dan seterusnya menjadi batu penghalang kepada usaha-usaha pembentukan akhlak mulia di dalam pasukan. Kesemuanya ini akan kita lihat satu persatu di dalam perbincangan yang akan datang.

Apa yang dapat disimpulkan oleh penulis di sini ialah masalah akhlak merupakan masalah global yang mesti kita fikirkan bersama dalam melahirkan kualiti manusia yang unggul. Manusia selama-lamanya tidak akan mencapai tahap kehidupannya yang sempurna jika masalah akhlak tidak dapat dibereskan dengan segera. Penulis di dalam penulisan ini akan sedaya upaya menyingkap permasalahan akhlak yang berlaku dalam kehidupan warga tentera dan cuba memberikan jalan penyelesaian terbaik ke arah melahirkan kualiti ketenteraan yang bukan sahaja menjadi perhatian dunia tetapi yang lebih utama mendapat pertunjuk dan hidayah daripada Allah (s.w.t.) dan selamat kehidupan mereka di dunia dan akhirat.

### **1.3    OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama penulisan ini dibuat adalah untuk membuat penganalisisan dan mengenalpasti peranan yang telah dimainkan oleh Kor Agama Angkatan Tentera dalam organisasi ketenteraan di Malaysia. Namun demikian di dalam penulisan ini penulis hanya akan menfokuskan kajiannya terhadap pencapaian semasa KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera agar ianya sejajar dengan kehendak dan ajaran Islam. Penulisan ini juga akan cuba untuk meneliti menganalisis program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh KAGAT dalam

memberikan sumbangan yang terbaik untuk membangunkan akhlak mulia dalam diri warga tentera.

Kajian ini juga akan dapat melihat peranan yang dimainkan oleh KAGAT dalam usaha menggarap nilai-nilai murni ke dalam sanubari warga tentera. Adakah usaha-usaha yang dilakukan oleh KAGAT mendapat sambutan yang positif ataupun sebaliknya. Di samping itu kita akan dapat melihat juga jenis-jenis pengajaran yang dilaksanakan terhadap warga tentera dan bagaimanakah penerimaan mereka terhadap pembelajaran tersebut dan seterusnya melaksanakannya dalam kehidupan sehari-hari.

Objektif seterusnya ialah untuk melihat sukanan pendidikan Islam dalam ATM kerana ianya merupakan tunjang utama dalam usaha pembentukan akhlak warga tentera kerana proses pembelajaran melalui kurikulum yang disediakan oleh KAGAT memainkan peranan yang begitu besar dalam usaha membangunkan akhlak warga tentera. Kajian mengenai sukanan pendidikan Islam ATM adalah penting kerana tugas ke arah pembentukan akhlak mulia dalam ATM bermula daripada kurikulum yang diajar kepada mereka. Kegagalan membentuk akhlak warga tentera ke arah apa yang dikehendaki oleh agama banyak bergantung kepada apakah pengisian yang diberikan kepada mereka. Kerana itulah sukanan pendidikan Islam ATM menjadi sebahagian daripada objektif kajian penulis di dalam penulisannya.

Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti pencapaian KAGAT di dalam operasinya yang sudah menjangkau hampir kepada

usianya 20 tahun. Setakat manakah kejayaan-kejayaan yang telah dihasilkan oleh KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera. Kajian ini adalah penting kerana sebagaimana yang diketahui umum bahawa sejarah ketenteraan di Malaysia banyak terkesan dengan budaya-budaya kehidupan tentera penjajah. Kerana itulah budaya arak, wanita, pergaulan bebas dan sebagainya menjadi perkara biasa di dalam kem-kem tentera suatu ketika dahulu.<sup>9</sup> Setakat manakah budaya-budaya negatif yang merosakkan akhlak ini dapat dihapuskan dengan wujudnya KAGAT di dalam perkhidmatan ketenteraan di Malaysia.

Situasi untuk mengetahui setakat mana pencapaian KAGAT dalam menangani permasalahan akhlak warga tentera amat penting bagi penulis kerana ianya bertepatan dengan peranan dan tanggungjawab penulis sendiri yang pada ketika ini sedang bertugas sebagai jurulatih di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM. Kajian ini amat penting kerana penulis sentiasa berhadapan dengan para peserta kursus yang datang saban hari di institut ini. Dengan mengetahui statistik terkini berkeraan dengan pencapaian akhlak warga tentera akan membantu dan memudahkan penulis memberikan idea, nasihat dan pandangan tatkala berhadapan dengan ragam penuntut setiap kali mereka menyertai kursus yang dianjurkan oleh institut ini.

Selain daripada itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat kelemahan dan kekurangan yang wujud di dalam KAGAT dalam menangani permasalahan akhlak warga tentera dan diperbincangkan bagi memastikan KAGAT dapat terus berjalan dengan perkasanya di masa hadapan. Kepekaan dalam mengenal pasti kelemahan merupakan suatu keperluan supaya KAGAT tidak merasa “syok

*sendiri*” seolah-olah telah berjaya di dalam lapangan perjuangannya. Dengan adanya analisis yang sedemikian maka kita dapat sama-sama memperbetulkannya demi untuk kebaikan KAGAT itu sendiri.

#### **1.4 HIPOTESIS**

Secara hipotesisnya, penulis mengandaikan bahawa pencapaian KAGAT dalam menangani permasalahan akhlak dalam Angkatan Tentera Malaysia masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Ini adalah kerana sejarah dan tradisi tentera itu sendiri yang masih terkesan dengan hasil peninggalan penjajah. Apabila kesan peninggalan penjajah masih lagi bertapak di dalam organisasi ini maka sudah pasti ada di sana beberapa keceluaran yang perlu untuk diperbetulkan. Penyelidik juga mengandaikan bahawa permasalahan akhlak yang berlaku dalam ATM banyak dipengaruhi oleh faktor umur, tempoh perkhidmatan dan rakan sepejabat.

#### **1.5 SKOP KAJIAN**

Di dalam membahaskan tajuk ini, penulis akan cuba menfokuskan perbincangan kepada membicarakan perkara yang berkaitan dengan akhlak anggota tentera yang beragama Islam di Malaysia. Jika dilihat kepada perbincangan yang berkaitan dengan akhlak memanglah ianya merupakan satu topik perbincangan yang begitu luas. Ianya akan meliputi akhlak yang berkaitan dengan hubungan sesama rakan dalam pasukan, akhlak yang berkaitan dengan komitmen di tempat kerja, akhlak yang berkaitan dengan hubungan mereka dalam keluarga dan berbagai lagi bentuk penulisan yang boleh dibuat bagi

membincangkan permasalahan akhlak dalam ATM. Namun demikian penulis akan cuba menfokuskan penulisannya kepada satu topik sahaja berkenaan dengan akhlak iaitu akhlak anggota tentera yang berkaitan hubungan mereka dengan tuhan, setakat mana mereka melaksanakan tuntutan akhlak Islam dalam kehidupan sehari-hari di samping melihat kepada komitmen pihak atasan tentera dalam menghapuskan gejala kurang bermoral di dalam organisasi ketenteraan di Malaysia.

Skop kajian seterusnya yang akan menjadi sasaran kajian penulis ialah aktiviti yang telah dilakukan oleh KAGAT bagi menghadapi gejala permasalahan akhlak dalam ATM. Penulis akan menfokuskan kepada satu bahagian sahaja iaitu kurikulum dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh KAGAT di pasukan. Kajiannya termasuklah jenis-jenis pembelajaran yang diberikan di samping buku-buku yang menjadi panduan dalam membentuk akhlak warga ATM agar menjadi insan yang berguna.

Bagi melihat keberkesanannya kepada aktiviti KAGAT yang dilaksanakan di atas maka penulis akan menjadikan warga tentera sekitar Port Dickson sebagai lokasi geografi, responden dan skop kajian dalam mengenalpasti keberkesanannya. Ianya akan meliputi Pusat-Pusat Latihan Tentera yang berada di sekitar Port Dickson. Kajian yang akan dilaksanakan hanya akan meliputi golongan tentera yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun dalam Angkatan Tentera Malaysia. Penulis sengaja meletakkan had umur perkhidmatan dalam kajiannya kerana ingin melihat keberkesanannya KAGAT dalam mendidik warga tentera. Kajian tersebut akan dilaksanakan dengan cara menyebarkan kertas

kaji selidik secara rawak dengan menjadikan anggota tentera seramai 114 orang yang sedang berkursus di sini sebagai responden kepada penulis.

Di akhir penulisan penulis akan menfokuskan kajiannya kepada memberikan saranan dan cadangan untuk kebaikan KAGAT di dalam operasinya di masa hadapan di samping usaha-usaha yang perlu dibuat bagi melicinkan pentadbiran KAGAT di setiap formasi dan pasukan demi untuk kebaikan bersama.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Daripada skop kajian yang telah dinyatakan, penulis berpandangan di sana terdapat beberapa kepentingan di dalam kajian yang akan dilaksanakan oleh penulis di antaranya ialah :

- a. Dapat mengenali organisasi KAGAT dengan lebih mendalam. Sebelum daripada ini KAGAT mungkin hanya dikenali oleh warga tentera sahaja. Dengan adanya penulisan tesis ini KAGAT akan lebih dikenali di kalangan masyarakat awam di Malaysia. Seterusnya ia akan menggambarkan bahawa penerapan nilai-nilai Islam yang ingin dilaksanakan oleh pihak kerajaan merupakan suatu perkara yang serius sehingga ianya juga melibatkan warga tentera. KAGAT telah diamanahkan untuk berperanan melaksanakannya dalam organisasi ketenteraan terutamanya dalam menangani permasalahan akhlak.

- b. Memberikan saranan dan kritikan membina bagi memajukan KAGAT di masa hadapan.

## 1.7 LITERATURE REVIEW

Hasil daripada pembacaan yang telah dibuat, penulis mendapati bahawa perbincangan dan persoalan yang berkaitan dengan akhlak warga ATM telah banyak diperbahaskan samada dalam bentuk buku-buku yang diterbitkan ataupun melalui kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan melalui seminar-seminar yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pertahanan.

Antara contoh bahan bacaan yang membicarakan masalah akhlak dalam ATM dan ianya telah diterbitkan dalam bentuk buku ialah seperti karangan Mejar Burhanuddin bin Jalal **“Al-Quran Membina Akhlak Mulia”<sup>10</sup>**, Mejar Nawawi bin Daud dalam bukunya **“Islam Dan Bimbingan Rohani”<sup>11</sup>**, Haji Abdullah bin Adam dalam bukunya **“Pengetahuan Agama Islam”<sup>12</sup>**, Mejar Nawawi bin Daud dalam bukunya **“Profesional Ketenteraan Dan Bimbingan Rohani Menurut Islam”<sup>13</sup>** dan penulisan Mejar Burhanuddin bin Jalal dalam bukunya **“Proses Yang Harus Dilalui Untuk Menjadi Manusia Sempurna”<sup>14</sup>**.

Selain daripada itu terdapat juga pembentangan kertas kerja yang telah dibuat melalui seminar-seminar yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Pertahanan yang membicarakan permasalahan akhlak. Antara kajian ilmiah

tersebut ialah pembentangan kertas kerja oleh Brigadier Jeneral Dato' Abdul Hamid bin Zainal Abidin “ **Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Angkatan Tentera Malaysia Di mana bermula dan Di mana Penyudah**”<sup>15</sup> , Leftenan Kolonel Kamurul Zaman bin Ismail “ **KAGAT Profisionalisme Ketenteraan “ Budaya dan Norma Kerja**”<sup>16</sup> dan Mejai Azmi bin Wahab “**Peranan Masjid Dalam Penyebaran dakwah dan Pembangunan Akhlak Anggota ATM**”<sup>17</sup>

Penilaian yang dibuat oleh penulis daripada pembacaan penulisan di atas mendapati bahawa kupasan yang telah dibuat oleh pengarang buku-buku tersebut adalah berkisar kepada persoalan akhlak yang dihadapi oleh warga tentera, usaha-usaha yang sedang dibuat bagi memastikan penerapan nilai-nilai Islam dapat berjalan dengan sempurna dalam ATM, di samping cuba menakrifkan akhlak menurut perspektif Islam. Diselitkan juga pandangan dan saranan bagaimana cara terbaik bagi mengatasi permasalahan akhlak dalam ATM. Segala pandangan dan saranan yang diberikan dalam penulisan mereka amat bermanfaat bagi memantapkan akhlak warga tentera agar mereka menjadi insan yang berguna di dunia dan di akhirat. Cuma sini penulis dapat mengesan satu aspek yang langsung tidak disentuh oleh mana-mana penulisan di atas ialah kesan daripada usaha-usaha yang telah dibuat bagi menangani permasalahan akhlak dalam ATM. Justeru itu penyelidikan yang dibuat oleh penulis akan tertumpu kepada pencapaian sebenar KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera adakah ianya mencapai matlamatnya ataupun sebaliknya.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Bagi memastikan penulisan ini menepati sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak universiti maka penulis akan menggunakan beberapa metod kajian yang telah dikenalpasti boleh memberikan “*input*” yang terbaik kepada disertasi penulis. Di antara metodologi kajian yang akan digunakan oleh penulis bagi menghasilkan penulisan ini adalah sebagaimana berikut :

**a. Penyelidikan Perpustakaan.**

Di dalam melakukan penyelidikan, penulis akan mendapatkan sumber maklumat yang lengkap bagi sesuatu fakta yang hendak dianalisis daripada Perpustakaan Kementerian Pertahanan, Perpustakaan Jabatanarah KAGAT, Perpustakaan Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera dan Perpustakaan awam yang ada kaitan dengan penulisan ini. Data-data akan diperolehi dari bahan seperti buku, majalah, risalah, jurnal, keratan akhbar dan lain-lain. Di antara contoh bahan yang akan diperlukan daripada perpustakaan ialah mencari sebanyak mungkin maklumat berkenaan dengan KAGAT seperti sejarah penubuhannya, keratan akhbar berkenaan dengan KAGAT, buku-buku yang telah diterbitkan oleh KAGAT di samping keperluan-keperluan lain yang dirasakan perlu bagi memenuhi kehendak penulisan ini.

Seterusnya metod ini juga akan digunakan oleh penulis bagi memahami landasan teori yang berkaitan dengan akhlak kerana perbincangan yang berkaitan dengan akhlak merupakan nadi kepada penulisan ini. Penulis akan membuat

kajian berkenaan akhlak dengan mencari sumber rujukan di perpustakaan yang berkaitan bagi mengenal pasti makna akhlak yang sebenar mengikut perspektif golongan intelektual.

**b. Metod Kaji Selidik.**

Di dalam bahagian ini penulis akan memilih metod soal selidik secara rawak berdasarkan kepada beberapa persoalan bertulis yang akan diajukan kepada mereka yang telah dipilih sebagai gambaran yang akan mewakili keseluruhan warga tentera. Borang kaji selidik ini hanya akan diberikan kepada mereka yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun dalam perkhidmatan tentera. Penentuan tempuh masa perkhidmatan adalah penting kerana penilaian mungkin tidak boleh dibuat dengan tepat jika individu yang dinilai baru sahaja menganggotai organisasi ketenteraan. Borang kaji selidik akan diedarkan kepada warga tentera yang sedang berkursus di Pusat-Pusat Latihan Tentera sekitar Port Dickson. Jumlah mereka yang akan dilibatkan dengan kaji selidik ini ialah seramai 114 orang. Pemilihan warga tentera seramai 114 orang adalah bertepatan dengan bilangan peserta yang sedang menghadiri kursus di Port Dickson ketika penulis sedang membuat kajian terhadap disertasi ini. Ianya sudah memadai kerana bilangan tersebut telah mewakili seluruh warga tentera yang datangnya dari Semenanjung Malaysia.

Bentuk soalan kaji selidik yang akan diutarakan oleh penulis ialah ianya akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan melibatkan latarbelakang responden untuk mengenalpasti tempuh perkhidmatan mereka

dalam tentera di samping mengetahui latarbelakang agama responden tersebut samada mereka datang daripada keluarga yang menitikberatkan agama ataupun sebaliknya. Bahagian kedua pula ialah soalan-soalan yang akan difokuskan terus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan akhlak.

#### e. Metod Temubual

Satu sesi temubual dan wawancara akan dibuat terhadap pegawai-pegawai kanan KAGAT dan juga pegawai-pegawai tentera biasa bagi mendapatkan sebarang maklumat. Jumlah responden yang akan ditemubual ialah seramai empat orang daripada warga tentera biasa dan empat orang daripada KAGAT sendiri. Penulis mensasarkan empat orang adalah kerana berdasarkan kepada empat kategori jawatan yang senior dalam ATM iaitu Pegawai Kanan, Pegawai Medan, PTT Kanan dan PTT Rendah.<sup>18</sup> Penulis tidak akan mensasarkan temubualnya kepada golongan Pegawai Muda dan Prebet kerana mereka merupakan golongan yang baru sahaja menyertai angkatan tentera. Temubual dengan pegawai-pegawai KAGAT akan difokuskan kepada tajuk-tajuk yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti KAGAT, perancangan semasa dan perancangan masa hadapan bagi memajukan KAGAT. Manakala temubual dengan anggota tentera biasa pula berkisar kepada pandangan mereka terhadap peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT, adakah KAGAT telah berjaya untuk berperanan dalam bidang tugasnya ataupun sebaliknya. Penulis akan menjadikan Batalion 10 RAMD yang berpangkalan di Kem Majidee Johor Bahru<sup>19</sup> sebagai bahan *sampling* untuk ditemubual bagi menilai kemampuan KAGAT yang sebenarnya mengikut pandangan mereka.

**d. Metod Historis**

Metod ini digunakan bagi mendapatkan data-data latarbelakang sejarah penubuhan KAGAT daripada catatan sejarah yang terdapat di perpustakaan Jabatanarah KAGAT ataupun daripada penceritaan mereka yang pernah terlibat dengan penubuhan organisasi ini. Di antara contoh bahan yang akan diperolehi daripada bahagian ini ialah risalah-risalah yang berkaitan dengan sejarah penubuhan KAGAT, sebab-sebab penubuhan dan bahan-bahan lain yang ada kaitan dengan penubuhan KAGAT.

**e. Metod Observasi (Pengamatan)**

Melalui Metod ini penulis akan memberikan sepenuh perhatian kepada operasi KAGAT bermula daripada awal penubuhannya sehingga ke hari ini. Penulis akan membuat penilaian berdasarkan kepada pengamatan dan pengalaman penulis sepanjang berkhidmat dengan KAGAT. Penulis akan memberikan pandangan berdasarkan kepada pengamatan penulis sendiri. Ini adalah kerana penulis telah berpengalaman bekerja di tiga tempat yang berbeza bidang tugasnya di sepanjang perkhidmatan penulis dalam KAGAT. Pertama sebagai Pegawai Agama Pasukan di Kem Majidee Johor Bahru yang berkehendakkan penulis sentiasa berinteraksi dengan warga tentera, kedua sebagai Pegawai Penyelidik KAGAT di Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur dan ketiga sebagai seorang Pensyarah dan fasilitator di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM di Port Dickson Negeri Sembilan. Berdasarkan kepada bidang tugas yang berbeza-beza

inilah maka penulis akan membuat observasi terhadap KAGAT dalam menilai kemampuan dan pencapaian KAGAT di dalam tugasnya.

#### f. Metod Penentuan Subjek

Penulis akan menggunakan metod *sampling* atau contoh dalam menentukan subjek penelitian dan pengamatan. Dalam hal ini penulis akan menjadikan dua tempat yang berasingan sebagai subjek penelitian bagi mewakili seluruh warga Angkatan Tentera Malaysia. Pertama, warga Batalion 10 RAMD Kem Majidee Johor Bharu sebagai subjek penelitian dan pengamatan dari sudut pandangan mereka terhadap KAGAT. Pemilihan 10 RAMD yang berpangkalan di Kem Majidee sebagai bahan sampling dalam kajian penulis adalah kerana penulis sendiri pernah berkhidmat di Kem Majidee selama hampir empat tahun. Pengalaman yang agak lama di sana memudahkan bagi penulis untuk membuat sebarang analisis dan kaji selidik. Penulis akan menggunakan kaedah temubual bagi mengenal pasti pandangan mereka.

Kedua, *sampling* secara rawak digunakan dengan memilih penuntut di Pusat-Pusat Latihan Tentera sekitar Port Dickson yang akan menjadi *sample* kajian. Pemilihan warga tentera sekitar Port Dickson sebagai bahan *sampling* penulis adalah kerana di sini merupakan tempat tumpuan warga tentera berkursus di sepanjang perkhidmatan mereka di samping memudahkan penulis mendapatkan warga tentera yang datang dari seluruh Malaysia. Di pusat-pusat latihan ini penulis akan menggunakan kaedah soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada penuntut bagi mengenal pasti pencapaian KAGAT dan kesannya terhadap

kehidupan mereka mengikut pandangan mereka sendiri. Hasil daripada jawapan yang diberikan, penulis akan membuat satu kesimpulan yang sewajarnya berkaitan dengan pencapaian KAGAT dalam malaksanakan tanggungjawab membangunkan akhlak warga tentera.

**g. Metod Berdoktrin**

Metod ini merupakan satu metod utama yang meletakkan prinsip asas yang bersumberkan kepada dalil-dalil al-Qur n dan al-Hadis bagi menyokong segala fakta dan *idealisme* yang akan diutarakan oleh penulis di dalam kajiannya.

**h. Metod Analisis Data**

Ianya akan dimulai dengan menggunakan program komputer sepenuhnya. Apabila penulis telah memperolehi data-data yang dikehendaki melalui beberapa kaedah yang telah dikenalpasti, maka segala fakta dalam data tersebut akan dipamerkan dalam bentuk graf, carta ataupun statistik. Dengan cara yang demikian akan memudahkan lagi penganalisaan data dapat dilakukan jika hendak dibandingkan dengan penganalisan yang dibuat dalam bentuk ayat ataupun perenggan.

Metod analisis data merupakan satu kaedah yang menjadi kemestian bagi setiap penulisan ilmiah terutamanya jika penulisan tersebut melibatkan kajian yang bersifat analisis ataupun statistik. Maklumat yang akan diperolehi daripada metod ini sudah semestinya diambil daripada samada soal selidik, temuduga,

kajian rawak, perbincangan dan sebagainya. Oleh kerana kajian penulis merupakan kajian yang memerlukan analisis data maka penulis sudah pasti akan menggunakan kaedah ini bagi mencapai objektif kajian. Antara kaedah analisis data yang akan digunakan penulis dalam kajianya ialah :

**a. Metod Induktif**

Metod Induktif bermaksud penganalisaan data dengan membuat kesimpulan atau pembuktian dari maklumat yang bersifat khusus untuk merumuskan satu kesimpulan yang berbentuk umum. Penulis akan menggunakan metod ini di dalam membuat kajian di mana kakitangan Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM iaitu tempat penulis bekerja sebagai *sampel* bagi melihat keberkesanan KAGAT di dalam memperbaiki akhlak warga tentera.

Metod ini merupakan satu keperluan dalam kajian penulis terutamanya ketika berada di bab yang keempat kerana pada bab inilah berlakunya proses analisis data dalam kajian penulis. Hasil daripada analisis yang berbentuk khusus inilah penulis akan membuat kesimpulan secara menyeluruh mengenai keberkesanan peranan KAGAT dalam meningkatkan kualiti akhlak warga tentera.

**b. Metod Deduktif.**

Metod deduktif pula bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil terhadap dalil-dalil khusus. Selain daripada itu

ianya juga merupakan cara untuk menguraikan sesuatu masalah dengan secara lebih terperinci. Metod ini dilakukan dengan menggunakan data dan contoh-contoh yang berbentuk umum dan diperjelaskan secara lebih teliti lagi. Inilah apa yang dimaksudkan dengan pendekatan yang bersifat umum kepada khusus.

Bagi memahami perjalanan proses ini, penulis akan cuba untuk melakukan penganalisaan data di mana data-data yang diperolehi hasil daripada kaji selidik, temubual, kajian rawak dan sebagainya terhadap warga tentera yang sedang berkursus di pusat-pusat latihan yang wujud di sekitar Port Dickson akan dirumuskan dalam bentuk khusus. Proses ini amat penting kerana data-data yang terkumpul dan yang diperolehi akan dapat diperjelaskan dengan lebih terperinci lagi.

#### c. **Metod Komparatif.**

Metod ini bolehlah dikatakan sebagai cara untuk membuat kesimpulan perbandingan terhadap data, pendapat dan fakta yang diperolehi semasa melakukan penyelidikan dan penelitian. Persolan-persoalan berkenaan dengan responden seperti umur, lama perkhidmatan, kekerapan mengikuti program yang dianjurkan oleh KAGAT di pasukan dan sebagainya akan diambil kira ketika membuat perbandingan bagi mendapatkan maklumat. Kesan daripada mengikuti program tersebut juga akan dinilai bagi melihat kejayaan KAGAT dalam melaksanakan peranan mereka. Melalui metod ini juga penulis akan membuat perbandingan mengenai pendapat responden terhadap keberkesanannya dan kelemahan program yang dilaksanakan oleh KAGAT. Pengetahuan yang

sedemikian adalah penting untuk diketahui oleh pimpinan KAGAT agar pengisian dapat dilakukan terhadap beberapa kelemahan yang telah dikenalpasti.

## **1.9 RINGKASAN BAB**

### **BAB PERTAMA**

Penulis akan memulakan penulisannya dengan mengutarakan pendahuluan kepada kajian permasalahan yang akan dikaji. Pendahuluan ini diibaratkan sebagai kata pengantar kepada tajuk kajian yang akan dibuat. Apabila penulis mengutarakan masalah pencapaian KAGAT di dalam operasinya maka di peringkat inilah penulis sewajarnya sudah membayangkan apakah yang akan disampaikan di dalam penulisan seterusnya. Pembaca pula sudah dapat mengagak apakah yang ingin dibincangkan oleh penulis di dalam penulisannya. Apabila objektif ini tercapai maka penulis dianggap telah berjaya di dalam menengahkan penulisannya ke dalam minda pembaca. Pada peringkat ini juga penulis akan cuba memperkenalkan sebahagian daripada masalah dan tujuan kajian tersebut dibuat.

Seterusnya penulis akan memperkenalkan pula latarbelakang permasalahan yang hendak dikaji, objektif kajian tersebut dibuat, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan diakhiri dengan ringkasan bagi setiap bab.

## BAB KEDUA

Penulisan di dalam bab ini akan dimulakan dengan menafsir dan mendefinisikan akhlak. Ianya akan dibahagikan kepada beberapa perbincangan yang berkaitan dengan akhlak. Bagi melihat penulisan ini agar ianya nampak lebih tersusun rapi maka penulis akan membahagikan penulisan ini kepada beberapa bahagian perbincangan yang tertentu. Di antara perkara yang akan dijadikan topik perbincangan di dalam bab ini ialah membuat penelitian terhadap makna akhlak sebagaimana yang telah diterjemahkan oleh kamus-kamus yang biasa diguna pakai di Malaysia di samping beberapa kamus arab yang dianggap muktabar.

Seterusnya penulis akan membincangkan dan mendefinisikan akhlak mengikut pandangan para Sarjana Islam. Beberapa takrifan akan diberikan oleh penulis berdasarkan kepada pandangan mereka. Namun demikian penulis hanya akan membawa penulisannya ke arah memahami akhlak menurut perspektif Imam al-Ghazālī. Perbincangan yang seterusnya ialah penulis akan melihat perbezaan maksud di antara akhlak dan moral adakah di sana wujud perbezaan maksud di antara dua kalimah tersebut ataupun tidak.

Perbincangan terakhir di dalam bab ini ialah melihat kepentingan beramal dengan akhlak Islam dalam kehidupan seharian termasuk juga di dalam organisasi ketenteraan di Malaysia kerana ianya merupakan fokus utama terhadap apa yang akan diperbincangkan di dalam kajian ini dan merupakan perkara asas

kepada penulisan penulis. Oleh yang demikian makna akhlak itu sendiri perlulah difahami dengan jelas sebelum perbahasan yang seterusnya dapat dilaksanakan.

## **BAB KETIGA**

Penulisan yang seterusnya ialah memperkenalkan KAGAT, struktur dan organisasinya, sejarah penubuhannya dan seterusnya kepentingan KAGAT dalam organisasi ketenteraan di Malaysia. Di dalam bahagian ini penulis akan membahaskan dengan lebih terperinci sejarah penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) di samping faktor-faktor yang membawa kepada penubuhannya. Matlamat penubuhannya juga akan disentuh oleh penulis bagi melihat dengan lebih dekat lagi kepentingan kor KAGAT dalam ATM.

Jika dilihat daripada apa yang akan dibahaskan di dalam bahagian ini kita akan dapat membuat kesimpulan bahawa nadi kepada penulisan ini akan bermula di sini. KAGAT akan diolah, dikupas dan mula akan diperkenalkan bagi memulakan kajian bersesuaian dengan tajuk penulisan tesis ini dibuat. Di dalam bahagian ini juga penulis akan menyentuh dengan panjang lebar perkara yang berkaitan dengan organisasi KAGAT di dalam pentadbirannya bermula daripada Jabatanarah KAGAT, sehingga ke formasi bawahan.

## **BAB KEEMPAT**

Bagi melahirkan warga tentera yang komited dengan akhlak Islam, di dalam bab ini penulis akan melihat juga kepada sukanan pendidikan Islam yang

diajar oleh KAGAT bagi menampung keperluan pendidikan agama dalam Angkatan Tentera Malaysia. Bagi melihat keberkesanan matlamat KAGAT dalam perjuangannya untuk membentuk akhlak warga tentera agar ianya sejajar dengan apa yang dikehendaki oleh Islam, penulis akan melihat pula peranan yang dimainkan oleh ILMI dalam mendidik warga tentera. Kajian ini akan meliputi peranan yang dimainkan oleh ILMI, kursus- kursus yang dilaksanakan dan bahan pengajaran yang diberikan kepada warga tentera khususnya pembelajaran yang melibatkan pembentukan dan penjanaan akhlak warga tentera.

Dalam melaksanakan tugasnya mendidik warga tentera ke arah cara hidup Islam yang sempurna. KAGAT telah diberikan satu bidang kuasa yang kuat dalam memastikan kejayaan matlamatnya. Apa yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah kuasa yang diberikan oleh Angkatan Tentera Malaysia terhadap KAGAT dalam melaksanakan apa yang disebut sebagai PMAT 9/91. PMAT 9/91 bermaksud Perintah Majlis Angkatan Tentera yang telah diluluskan pada tahun 1991 iaitu satu dasar yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Panglima-Panglima Angkatan Tentera di mana semua warga tentera dari pelbagai peringkat yang sedang berkhidmat dalam ATM diwajibkan memperuntukkan masa selama 857 jam setahun dalam mengikuti dan melaksanakan berbagai program berbentuk keagamaan bagi membentuk minda dan akhlak warga tentera. Sebarang bentuk keengganinan atau keengkaran dalam melaksanakan arahan yang terkandung dalam PMAT tersebut boleh menjadi penyebab akan dikenakan tindakan disiplin terhadap individu tersebut. Dasar ini amat penting untuk dipatuhi kerana kegagalan dan kejayaan KAGAT dalam membentuk akhlak warga tentera sebenarnya banyak bergantung kepada kejayaan dan kesungguhan warga tentera

dalam melaksana dan menghayati PMAT tersebut. Kupasan dan aktiviti PMAT 9/91 akan dibincangkan dengan panjang lebar oleh penulis di dalam bab yang akan datang. Di dalam bab ini juga penulis akan memaparkan sebahagian daripada pencapaian KAGAT dalam melaksanakan proses penerapan nilai-nilai Islam dalam organisasi ketenteraan di Malaysia di samping komitmen pihak atasan dalam menangani permasalahan akhlak dalam ATM.

## BAB KELIMA

Di dalam bab ini, penulis akan membuat analisis terhadap pencapaian KAGAT dalam misinya juga terhadap beberapa kelemahan KAGAT dan jalan penyelesaiannya bagi melicin dan memantapkan KAGAT di masa hadapan. Analisis yang akan dibuat oleh penulis bagi melihat keberkesanan KAGAT dalam mengejar matlamat penubuhannya ialah melalui beberapa siri temubual yang akan dibuat oleh penulis terhadap beberapa individu dalam tentera. Penulis akan menjadikan warga Batalion 10 Rejimen Askar Melayu di Raja (10 RAMD) yang berpangkalan di Kem Majidee Johor Bahru sebagai *sampling* untuk ditemubual bagi menilai keberkesanan KAGAT mengikut pandangan mereka dalam melahirkan warga tentera yang berkualiti dari sudut akhlaknya.

Di antara golongan yang akan dilibatkan dalam temubual ini ialah ianya bermula dengan Pegawai Memerintah 10 RAMD yang berpangkat Leftenan Kolonel, Pegawai Gerak 10 RAMD yang berpangkat Mejar dan anggota Lain-Lain Pangkat dari berbagai kategori. Di antara objektif yang hendak dicapai di dalam temubual ini ialah bagi mengenalpasti kejayaan dan pencapaian KAGAT

yang sebenarnya dalam ATM. Temubual ini adalah perlu kerana kita tidak mungkin dapat menilai kejayaan KAGAT jika anggota KAGAT sahaja yang dipilih sebagai bahan *sampling*. Sudah pasti ianya akan memberikan jawapan yang positif terhadap segala persoalan yang ditimbulkan. Oleh yang demikian warga tentera biasa adalah yang paling berkelayakan untuk menilai KAGAT samada telah berjaya dalam misinya ataupun sebaliknya. Selain daripada metod temubual, metod soal selidik juga akan digunakan bagi mencapai tujuan penyelidikan ini. Warga tentera yang berada di sekitar Port Dickson telah dijadikan sebagai bahan sampling untuk menjawab soal selidik penulis bagi menilai keberkesanan KAGAT dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

## **BAB KEENAM**

Di akhir penulisan, penulis akan membuat beberapa kesimpulan dan cadangan bagi memantapkan lagi organisasi KAGAT. Apa yang akan dilakukan oleh penulis di dalam bahagian ini ialah penulis akan cuba membuat pengamatan sendiri berdasarkan kepada pengalaman penulis yang sedang berkhidmat di dalam KAGAT terhadap beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti dan jalan penyelesaiannya bagi memastikan kualiti KAGAT akan sentiasa dikemaskinikan agar ianya sentiasa kelihatan mantap dalam melaksanakan tugasannya yang diamanahkan kepadanya. Selain daripada itu beberapa temubual dengan tokoh-tokoh tertentu akan dimuatkan di dalam bab ini bagi melihat cadangan dan pandangan mereka untuk kebaikan KAGAT. Saranan berbentuk cadangan dan kritikan akan dikemukakan penulis untuk kebaikan bersama.

## NOTA HUJUNG

---

- 1 Minit Mesyuarat Khas Majlis Angkatan Tentera yang telah diadakan di bilik Mesyuarat B Kementerian Pertahanan yang telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM bertarikh 24hb Jun 1980. Lihat juga risalah "Perihal Penubuhan Asal" h. 1. Lihat Juga Arahan Pentadbiran KAGAT No 1 h. A1-1.
- 2 Fakta ini diperolehi hasil daripada penceritaan golongan veteren yang berada di dalam perkhidmatan ketenteraan sebelum tertubuhnya KAGAT. Antaranya ialah Kol (B) Abu bin Hj. Ali bekas Timbalan Panglima 7 Briged. Beliau merupakan salah seorang daripada yang terlibat dalam usaha menubuhkan KAGAT dalam ATM.
- 3 Jabatanarah Kor Agama Angkatan Tentera (1997), *Arahan Pentadbiran KAGAT No. 1*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertahanan, h. 1.
- 4 Muhammad Sai'd Ramadhān Al Büti (2000). *Fiqh Al-Sirah*. Mohd Darus Sanawi (terj.), Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar, h. 28.
- 5 Berdasarkan kepada pengalaman penulis sendiri melihat situasi yang sedemikian ketika berkhidmat di Kem Majidee Johor Bahru dan ianya merupakan perkara yang biasa berlaku di Mes Wisma Perwira ketika pegawai – pegawai baru yang tamat latihan kadet melapor diri ke unit-unit baru mereka.
- 6 Temubual dengan YBhg Mejari Saiful Hisham bin Hj Mahat Penolong Pegawai Memerintah 2 Armor Di Raja ketika menceritakan pengalamannya di awal penglibatan beliau dalam organisasi ketenteraan. Temubual tersebut berlangsung di Wisma Perwira 2 Armor bertarikh 28 Feb 2003.
- 7 Berita Harian, *ATM Haram Penjualan Arak di Kem*, September 1998, h. 6.
- 8 Lihat MKTD/G 1/402 (NEG) di bawah tajuk *Arahan Pengharaman Arak Dalam Angkatan Tentera Malaysia*. bertarikh 18 Mei 1998.
- 9 Temubual dengan YBhg Mejari Saiful Hisham bin Hj Mahat. *op.cit*
- 10 Burhanuddin bin Jalal (1994), *Al-Qurān Membina Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertahanan.
- 11 Nawawi bin Daud (1990), *Islam Dan Bimbingan Rohani*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertahanan.

- 
- 12 Abdullah bin Adam (1993), *Pengetahuan Agama Islam*. Kuala-Lumpur : Kementerian Pertahanan.
  - 13 Nawawi bin Daud (1992), *Profesional Ketenteraan Dan Bimbingan Rohani Menurut Islam*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertahanan.
  - 14 Burhanuddin bin Jalal (1992), *Proses Yang Harus Dilalui Untuk Menjadi Manusia Sempurna*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertahanan.
  - 15 Abdul Hamid bin Zainal Abidin (Dato') (1990), *Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia Di mana Bermula Dan Ke mana Penyudahnya*. (Kertas kerja yang dibentangkan dalam Nadwah Kefahaman Islam Pegawai-Pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia pada 24 September 1990).
  - 16 Kamarul Zaman bin Ismail (1997), *KAGAT Dan Profesionalisma Ketenteraan “ Budaya dan Norma Kerja”*. (Kertas Kerja yang dibentangkan pada hari ulang tahun KAGAT ke 11 di Lumut Perak.)
  - 17 Azmi bin Wahab (1998), *Peranan Masjid Dalam Penyebaran Dakwah dan Pembangunan Rohani Anggota ATM*. (Kertas Kerja yang dibentangkan pada hari ulang tahun KAGAT ke 11 di Lumut Perak.)
  - 18 Pegawai Kanan ialah Pegawai yang berpangkat Leftenan Kolonel ke atas, Pegawai Medan ialah Pegawai yang berpangkat Mejjar, PTT Kanan ialah anggota tentera yang berpangkat Sarjan ke atas manakala PTT Rendah adalah mereka yang berpangkat Lans Koperal dan Koperal. Kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada senioriti, lulus di dalam setiap peperiksaan, ada kekosongan perjawatan di samping mendapat sokongan dari pihak atasan.
  - 19 Pemilihan 10 RAMD yang berpangkalan di Kem Majidee Johor Bahru sebagai metod temubual penulis adalah kerana penulis pernah berkhidmat di sana selama hampir empat tahun dan disinilah tempat bermulanya penulis mengenali dan memahami kehidupan sebagai warga tentera.